

Edisi 4 | Oktober-Disember 2020



BULETIN

PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN



PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN

PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF / PROFESIONAL
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

08



Mesyuarat Kerjasama Program bersama CREaTE JKR

02



Penyerahan Surat Hasrat Kerjasama Syarikat FABTEC Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd.

04



Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar Bil.3/2020

16


Ikuti kami di media sosial



 cec.uthm.edu.my

 cec@uthm.edu.my

 07-453 7017/7954

 010-9797 853
019-595 8096

PASUKAN REDAKSI

Penaung

Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin
Mohammad

Penasihat

Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Hisyam
Bin Mohd. Hashim

Penyelaras

En. Mohd Azam Bin Jainal

Editor

Pn. Noraizah Binti Wahab
Pn. Nurulhidayah binti Basari
Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin
Mohammad

Reka Grafik

Pn. Nurulhidayah Binti Basari

Fotografi

En. Muhammad Rashid Amran Bin
Zainudin

Sidang Redaksi

En. Mohamad Firdaus Bin Zaini
Pn. Elli Binti Jamaluddin
Pn. Nurul Ain Binti Juhari
Pn. Norhazirah Binti Kemin

ISI KANDUNGAN

1

- Pelaksanaan Kuliah Program Diploma Eksekutif Imam Profesional UTHM™ (DEIP) UTHM Tahun 2020/Kohort 3
- Pendaftaran Pelajar Baharu Program Pascasiswazah UTHM Kemasukan Sesi 1 2020/2021

2

- Cadangan Pelaksanaan Program Kerjasama Akademik (Francais) antara UTHM dan Business & Management International College (BMIC)
- Mesyuarat Kerjasama Program Latihan Bersama Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) Jabatan Kerja Raya (JKR)

3

- Pra Bengkel Cadangan Pemerkasaan Struktur dan Pengurusan Program Pendidikan Berterusan UTHM
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 4/2020

4

- Penyerahan Surat Hasrat Kerjasama Syarikat Fabtec Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. dan Perbincangan Cadangan Pelaksanaan Program Diploma Eksekutif Fabrikasi Logam (Minyak & Gas)
- Perbincangan Kerjasama KLIA College Bil.1 /2020

5

- Taklimat Pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional UTHM
- Mesyuarat Penyelarasan PSH KPT

6

- Mesyuarat Cadangan Program Kerjasama Akademik (Francais)
- Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah (JAPS)

7

- Mesyuarat Kerjasama KLIA College Bil.2 /2020
- Bengkel SOP Bagi Proses Kerja Program Eksekutif dan Profesional UTHM

8

- Pelaksanaan Audit Akademik Dalam Program Diploma Eksekutif/Profesional UTHM
- Mesyuarat Pengurusan Khas Akademik & Antarabangsa

9

- Cadangan Pelaksanaan Program Kerjasama Akademik (Francais) antara UTHM dan Business & Management International College (BMIC)
- Perbincangan Kerjasama KLIA College Bil.3/2020

10

- Perbincangan Berkaitan Program Kerjasama Akademik (Francais)
- Perbincangan Kerjasama antara UTHM dan Mahsa University

11

- Perbincangan Berkaitan Penjana KPT-CAP
- Perbincangan Berkaitan Cadangan Pelaksanaan MTCP 2021

12

- Mesyuarat Pengurusan Pejabat Pembangunan Perniagaan
- Mesyuarat Pengurusan Khas Akademik & Antarabangsa

13

- Perbincangan Kerjasama KLIA College Bil.4/2020
- Perbincangan Kluster Akademik & Antarabangsa

14

- Bengkel Pembangunan Virtual University
- Mesyuarat Program Sarjana Eksekutif Pengurusan Penerbangan

15

- Mesyuarat Pengurusan Pusat Pendidikan Berterusan
- Mesyuarat Kerjasama FKAAB

16

- Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar
- Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat

17

- Perbincangan Kerjasama KLIA College Bil.5/2020
- Mesyuarat Kerjasama UTHM dan Sukiru Resources

PELAKSANAAN KULIAH PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF IMAM PROFESIONAL UTHM™ (DEIP) UTHM TAHUN 2020/KOHORT 3

03 Oktober 2020




Pelaksanaan kuliah program Diploma Eksekutif Imam Profesional™ (DEIP) UTHM bagi tahun 2020/kohort 3 bermula pada 3 Oktober 2020 bertempat di Bilik Kuliah B6-BS-A1, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Program Diploma Eksekutif Imam Profesional™ (DEIP) UTHM ini dirangka khas buat para imam dan pelapis imam bagi meningkatkan profesionalisme sebagai seorang imam. Pelaksanaan program ini dilaksanakan oleh Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ), UTHM bersama Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Selain sesi kuliah, pelajar juga didedahkan dengan aktiviti secara amali yang akan memberi manfaat kepada semua pelajar secara langsung dalam sesi pembelajaran di setiap modul yang dilaksanakan.

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU PROGRAM PASCASISWAZAH UTHM KEMASUKAN SESI 1 2020/2021


05 Oktober 2020

Hari pendaftaran pelajar baharu Program Pascasiswazah UTHM bagi kemasukan sesi 1 2020/2021 telah berlangsung pada 5 Oktober 2020 bertempat di Ruang Legar, Pusat Pengajian Siswazah (CGS) UTHM secara dalam talian. Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Datang kepada mahasiswa baharu bagi program pengajian sarjana (Master) UTHM secara separuh masa. Selamat maju jaya diucapkan kepada kesemua pelajar baharu program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV) UTHM dan Sarjana Kejuruteraan Awam (MFA) UTHM secara separuh masa yang mendaftar.



CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK (FRANCAIS) ANTARA UTHM DAN BUSINESS & MANAGEMENT INTERNATIONAL COLLEGE (BMIC)

07 Oktober 2020



Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengalu-alukan penglibatan kerjasama dari organisasi atau industri bagi memperkasa Program Akademik Pembelajaran Berterusan. Sehubungan dengan itu, satu perbincangan bagi merealisasikan pembentangan cadangan program kerjasama akademik (francais) telah diadakan pada 7 Oktober 2020 bertempat di institusi masing-masing secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) mewakili pihak UTHM bersama kehadiran delegasi mewakili pihak Business & Management International College (BMIC). Cadangan kerjasama yang dikemukakan dalam mesyuarat ini telah mendapat pertimbangan sewajarnya oleh kedua-dua pihak bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan kepujian.

MESYUARAT KERJASAMA PROGRAM LATIHAN BERSAMA PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI (CREaTE) JABATAN KERJA RAYA (JKR)

8 Oktober 2020

Mesyuarat kerjasama pelaksanaan program latihan antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diadakan pada 8 Oktober 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) UTHM. Hadir bersama Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) mewakili UTHM adalah Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dan Pejabat APEL (*Accreditation of Prior Experiential Learning*) UTHM. Sesi pembentangan cadangan pelaksanaan program tersebut telah disampaikan oleh YBrs. Ir. Hj. Nor Azmi Bin Mohd Jamal; Bahagian Kompetensi, Pensijilan dan Akreditasi Kejuruteraan, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.



PRA BENGKEL CADANGAN PEMERKASAAN STRUKTUR DAN PENGURUSAN PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN UTHM

13 Oktober 2020

Pada 13 Oktober 2020 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa (CLS) UTHM telah berlangsung Pra Bengkel Cadangan Pemerksaan Struktur dan Pengurusan Program Pendidikan Berterusan. Program ini dihadiri oleh staf di kalangan pejabat Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan UTHM Education & Training Sdn. Bhd. (JET). Bengkel ini dilaksanakan untuk membincangkan perancangan serta strategi dalam melaksanakan program-program berteraskan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di masa hadapan. Selain mengemaskini peranan bagi kedua-dua entiti, bengkel ini juga turut menyelaras semula peranan dan tanggungjawab masing-masing bukan sahaja dalam pelaksanaan program/kursus malah dalam kesemua aspek yang melibatkan pemasaran, operasi dan pentadbiran, kewangan serta pengurusan sumber manusia menggunakan model RACI. Menerusi dapatan cadangan pemerksaan struktur dan pengurusan program pendidikan berterusan UTHM, satu kertas kerja berkaitan akan dikemukakan untuk kelulusan.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI BIL. 4/2020

15 Oktober 2020




Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.4/2020 telah dilaksanakan pada 15 Oktober 2020 di pejabat masing-masing secara dalam talian. Mesyuarat pengurusan universiti ini secara umumnya bertujuan menyelaras, mengemaskini dan melaporkan pelaksanaan program-program yang telah dilaksanakan oleh semua pusat tanggungjawab meliputi semua aktiviti dalam universiti sepanjang tahun 2020.

PENYERAHAN SURAT HASRAT KERJASAMA SYARIKAT FABTEC MARINE & OFFSHORE ENGINEERING SDN. BHD. DAN PERBINCANGAN CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF FABRIKASI LOGAM (MINYAK & GAS)

15 Oktober 2020

Perbincangan lanjut berkaitan hasrat cadangan kerjasama antara Fabtec Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berlangsung pada 15 Oktober 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) UTHM. Delegasi UTHM diwakili oleh Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan UTHM Education & Training Sdn. Bhd. (UET) manakala pihak industri pula dihadiri oleh syarikat Fabtec Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. Perbincangan ini bertujuan membincangkan hasrat merealisasikan projek *Human Capital Development* bagi industri minyak & gas. Sebelum sesi perbincangan diadakan, delegasi industri di bawa ke Bilik Perbincangan Pusat Pembangunan Perniagaan (BizDO) UTHM bagi menyempurnakan penyerahan surat hasrat daripada pihak industri kepada pihak UTHM. Perbincangan usahasama antara UTHM, Fabtech Marine & Offshore Engineering Sdn. Bhd. ini melibatkan cadangan pelaksanaan program Skills in Oil & Gas (SOGA) dalam bidang fabrikasi logam bagi memenuhi keperluan industri. Hasil perbincangan tersebut, tindakan susulan akan diambil oleh kedua-dua pihak bagi pelaksanaan program Diploma Eksekutif Fabrikasi Logam (Minyak & Gas).



PERBINCANGAN KERJASAMA KLIA COLLEGE BIL.1 /2020

03 November 2020




Perbincangan kerjasama UTHM dan KLIA College telah berlangsung pada 3 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh wakil pihak UTHM iaitu Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Pengurusan Teknologi (FPTP) bersama wakil pihak KLIA College. Mesyuarat ini merupakan perbincangan awal oleh FPTP bersama pihak KLIA College dan CIDB. Perbincangan lanjut berkaitan cadangan pelaksanaan silibus CCM (*Certified Construction Manager*) diintegrasikan dalam program MSc (*Construction Technology Management*) MscCTM perlu diadakan untuk memastikan pelaksanaannya mampu memberi impak yang baik kelak. Seterusnya semua pihak harus berganding bahu bagi merealisasikan hasrat ini merangkumi kesediaan silibus UTHM, modul CIDB dan lain-lain hal berkaitan pelaksanaannya.

TAKLIMAT PELAKSANAAN PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL UTHM


03 November 2020

Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM menganjurkan sesi taklimat panduan pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional UTHM pada 3 November 2020 bertempat di pejabat masing-masing secara dalam talian. Taklimat ini mendapat kerjasama dengan kehadiran staf akademik mewakili Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program eksekutif dan profesional. Sesi taklimat disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad; Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM berkaitan panduan pelaksanaan Program, model kerjasama, penawaran program dan maklum balas pertanyaan lazim berkaitan pelaksanaan program. Taklimat ini merupakan medium pemudahcara dalam menyampaikan informasi berkaitan pelaksanaan Program Eksekutif dan Profesional UTHM.



MESYUARAT PENYELARASAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) KPT

05 November 2020



Mesyuarat penyelarasan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) peringkat Universiti Awam (UA) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah diadakan di institusi masing-masing pada 5 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua wakil pusat tanggungjawab UA yang berperanan menyelaras dan melaksanakan program-program PSH. Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan hala tuju program PSH yang dilaksanakan oleh semua UA agar pelaksanaannya lebih sistematik dan efisien.

MESYUARAT CADANGAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK (FRANCAIS)

05 November 2020


Mesyuarat cadangan pelaksanaan program kerjasama akademik (francais) bersama institut pengajian tinggi di Indonesia dan Bangladesh telah diadakan pada 5 November 2020. Perbincangan dalaman antara pihak fakulti dan CEC UTHM telah dilaksanakan bertempat di Bilik Perbincangan, Pejabat Pembangunan Perniagaan (BizD0). Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan ini perlu dirancang dengan teliti secara menyeluruh agar program kerjasama akademik (francais) ini dapat dilaksanakan dengan baik di Pusat Pembelajaran Wilayah (PPW) luar negara.



MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH (JAPS)

10 November 2020


Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah (JAPS) telah diadakan pada 10 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat JAPS membincangkan hal-hal berkaitan program pengajian siswazah UTHM. Buat masa ini, Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) menguruskan program sarjana kerja kursus dan mod campuran dengan kerjasama Pusat Pengajian Siswazah (CGS) dan fakulti yang terlibat.



MESYUARAT KERJASAMA KLIA COLLEGE BIL.2 /2020

11 November 2020

Mesyuarat kerjasama UTHM dan KLIA College telah dilaksanakan di institusi masing-masing pada 11 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh wakil pihak UTHM iaitu Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Pengurusan Teknologi (FPTP) bersama wakil pihak KLIA College. Perbincangan ini merupakan susulan pertemuan sebelum ini bagi membincangkan secara terperinci mengenai silibus UTHM, modul CIDB dan lain-lain hal berkaitan pelaksanaan CCM (*Certified Construction Manager*) diintegrasikan dalam program MSc (*Construction Technology Management*) MscCTM. Secara asasnya, FPTP bersetuju untuk mengadakan kerjasama dengan Klia College dan CIDB. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut berfasa perlu diadakan untuk memastikan pelaksanaannya mampu memberi impak yang baik kepada semua. Pihak KLIA College telah dilantik oleh CIDB untuk membangunkan modul CCM iaitu *Professional Certificate* CCM pada tahap 5 MQF. Program CCM mesti diajar oleh *Certified Manager* dan sesi pembelajaran perlu dilaksanakan di tempat yang telah ditauliahkan iaitu KLIA College. Persijilan pelajar MscCTM pula akan dianugerahkan Master oleh UTHM dan sijil CCM pula oleh CIDB. Syarat kemasukan pelajar pula sama dengan syarat kemasukan sedia ada yang digunapakai oleh UTHM. Mesyuarat mencadangkan *Memorandum of Agreement* (MoA) pada hujung Disember 2020 iaitu ditandatangani oleh pihak KLIA College dan UTHM. Walau bagaimanapun, pihak CIDB dan Master Builder Association akan dijemput pada majlis tersebut. Mesyuarat juga mencadangkan agar pembelajaran dilaksanakan secara modul sebagai pakej pilihan kepada pelajar. Mesyuarat bersetuju bahawa fasa pertama pelaksanaan program ini perlu melalui proses mapping untuk memastikan modul CCM dikenalpasti dalam MscCTM.



BENGGEL PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL UTHM

12 November 2020



Pada 12 November 2020 bertempat di Bilik Seminar Pusat Pengajian Bahasa UTHM telah berlangsung Bengkel penambahbaikan bagi proses kerja Program Eksekutif dan Profesional UTHM. Bengkel yang dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad; Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM ini dihadiri oleh kakitangan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program tersebut. Bengkel ini bertujuan mengemaskini proses kerja serta peranan kakitangan yang terlibat dalam menjayakan program eksekutif dan profesional UTHM sejajar dengan garis panduan yang digunapakai. Menerusi bengkel ini kesemua aspek dalam proses kerja pelaksanaan program perlu dikemaskini termasuk proses kerja pemasaran, operasi program, pentadbiran dan kewangan agar ianya menepati piawaian audit kualiti program eksekutif dan profesional anjuran UTHM.

PELAKSANAAN AUDIT AKADEMIK DALAMAN PROGRAM DIPLOMA EKSEKUTIF/PROFESIONAL UTHM

16 November 2020



Pelaksanaan audit akademik dalaman oleh Pusat Pembangunan dan Latihan Akademik (CAD) ke atas pelaksanaan program diploma eksekutif/profesional UTHM yang diselaraskan oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berlangsung dengan jayanya pada 16 November 2020 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa (CLS) UTHM. CEC UTHM telah mendapat kerjasama menyeluruh dari kedua-dua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program eksekutif/profesional sepanjang pelaksanaan audit dilaksanakan iaitu Diploma Eksekutif Penerbangan Profesional (Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan) dan program Diploma Eksekutif Imam Profesional™ (Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah).

MESYUARAT PENGURUSAN KHAS AKADEMIK & ANTARABANGSA

17 November 2020

Mesyuarat pengurusan khas akademik & antarabangsa telah berlangsung di pejabat masing-masing pada 17 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat khas ini dihadiri oleh pengurusan pusat tanggungjawab di bawah Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa). Mesyuarat ini menfokuskan kepada persediaan fakulti dan pusat tanggungjawab yang terlibat dalam membuat perancangan yang lebih terperinci melibatkan jadual kemasukan pelajar secara fizikal bermula Mac 2021 dengan menyesuaikan kalender akademik beserta makluman perubahan jadual pinjaman PTPN kepada pelajar tahun/semester akhir. Mesyuarat juga mengambil maklum tentang maklumat berkaitan akreditasi program profesional/eksekutif oleh MQA, semakan prosedur penilaian semula kurikulum akademik, kaedah peperiksaan dan perubahan unjuran kemasukan pelajar peringkat Sarjana Muda sem 2 sesi 2020/2021.

Mesyuarat	
• Kemasukan pelajar secara fizikal bermula Mac 2021	UA dikehendaki merancang jadual kemasukan secara berfasa
• Tarikh mula Sem. I 2021/2022 dijangka seawal 11 Oktober 2020	UA dikehendaki menyesuaikan kalendar akademik
• Senarai pelajar berkeperluan ke kampus (Sem. I 2020/2021)	UA perlu mengemaskini maklumat terkini dan kebenaran hanya diberikan kepada yang benar-benar memerlukan
• Pinjaman PTPN kepada pelajar tahun dan semester akhir	UA perlu memaklumkan sebarang perubahan jadual kepada PTPN
Melalui Lain	
10:00 – 11:00	
1. Pembentangan kertas kerja Senat oleh CAD	Perbincangan awal sebelum kertas kerja dibentangkan di dalam Mesyuarat Senat
• Akreditasi Program Profesional/Eksekutif oleh MQA	
• Semakan Prosedur Penilaian Semula Kurikulum Akademik (RPK-Q2)	
• Kaedah Peperiksaan Akhir	
2. Perubahan unjuran kemasukan pelajar peringkat Sarjana Muda Sem. II Sesi 2020/2021	Perbincangan awal sebelum kertas kerja dibentangkan di dalam Mesyuarat Senat
11:00	Penangguhan Mesyuarat

CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK (FRANCAIS) ANTARA UTHM DAN BUSINESS & MANAGEMENT INTERNATIONAL COLLEGE (BMIC)

17 November 2020

Satu perbincangan bagi merealisasikan pembentangan cadangan program kerjasama akademik (francais) telah diadakan bertempat di institusi masing-masing pada 17 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) mewakili pihak UTHM bersama kehadiran delegasi mewakili pihak Business & Management International College (BMIC). Perbincangan menyeluruh ke atas cadangan kerjasama yang dikemukakan dalam mesyuarat ini telah mendapat pertimbangan sewajarnya bagi merealisasikan pelaksanaan program Diploma Teknologi Maklumat.



PERBINCANGAN KERJASAMA KLIA COLLEGE BIL.3/2020

17 November 2020



KLIA PROFESSIONAL & MANAGEMENT COLLEGE



PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN
Continuing Education Centre
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Mesyuarat penyelarasan kerjasama KLIA College Bil.3/2020 telah diadakan di pejabat masing-masing pada 17 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh pihak UTHM yang diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) bersama pihak KLIA College. Mesyuarat bertujuan membincangkan secara menyeluruh berkaitan cadangan merealisasikan kerjasama berkaitan pelaksanaan program Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek. Mesyuarat bersetuju bahawa pihak FPTP perlu menyediakan kertas kerja kelulusan senat sekiranya perlu serta memastikan telah melaksanakan *Mapping Silibus* UTHM bersama Modul CCM oleh pihak CIDB.

PERBINCANGAN BERKAITAN PROGRAM KERJASAMA AKADEMIK (FRANCAIS)

23 November 2020




Perbincangan susulan bagi merealisasikan cadangan program kerjasama akademik (francais) telah diadakan pada 23 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat dihadiri oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD) ini membincangkan cadangan program kerjasama akademik (francais) yang dikemukakan oleh pihak Business & Management International College (BMIC). Perbincangan menyeluruh perlu dilakukan ke atas cadangan kerjasama tersebut dan pertimbangan sewajarnya perlu diambil sebelum pelaksanaan program Diploma Teknologi Maklumat dapat direalisasikan.

PERBINCANGAN KERJASAMA ANTARA UTHM DAN MAHSA UNIVERSITY


24 November 2020

Perbincangan Kerjasama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Dan MAHSA University telah berlangsung pada 24 November 2020 secara dalam talian. Perbincangan lanjut antara UTHM dan MAHSA University ini adalah susulan perbincangan mesyuarat pertama di kampus induk UTHM yang telah membincangkan mengenai model perniagaan untuk pusat pembelajaran wilayah di MAHSA Avenue, Kuala Lumpur. Seterusnya, perbincangan lanjut diadakan mengenai program hartanah meliputi syarat kemasukan, yuran pengajian, *micro-credential* dan lain-lain hal yang berkaitan. Kedua-dua pihak juga berkesempatan membincangkan mengenai program pendidikan, penyelidikan dan latihan yang bakal dilaksanakan secara bersama.



TAKLIMAT BERKAITAN PENJANA KPT-CAP

26 November 2020




Sesi taklimat berkaitan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) kepada Universiti Awam (UA) di Malaysia yang dihadiri Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM mewakili pihak Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah disampaikan oleh Sekretariat PENJANA KPT-CAP, Bahagian Kolaborasi Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 26 November 2020 di institusi masing-masing secara dalam talian. Taklimat ini meliputi perbincangan mengenai pengenalan program PENJANA, permohonan peruntukan serta kriteria pemilihan program yang akan dinilai ke atas semua permohonan dari institusi penyedia latihan.

PERBINCANGAN BERKAITAN CADANGAN PELAKSANAAN MTCP 2021

26 November 2020

Perbincangan berkaitan cadangan kertas kerja pelaksanaan kursus bagi Program Kerjasama Teknikal Malaysia / Malaysian Technical Corporation Programme (MTCP) bagi permohonan peruntukan tahun 2021 di bawah Kementerian Luar Negeri (KLN) Malaysia telah diadakan di pejabat masing-masing pada 26 November 2020 secara dalam talian. Perbincangan ini diselenggarakan oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM selaku urusetia dalam pelaksanaan kursus tersebut. Perbincangan ini telah dihadiri oleh penyelar program bagi setiap kursus yang berminat menghantar kertas kerja permohonan menjalankan kursus. Untuk rekod, UTHM telah terpilih menerima peruntukan bajet melaksanakan kursus MTCP selama 4 tahun berturut-turut bermula tahun 2014 hingga 2017 dan peruntukan terakhir diluluskan pada tahun 2020. Namun pelaksanaan kursus bagi tahun 2020 terpaksa dibatalkan bagi mengekang penularan wabak covid-19. Sehubungan dengan itu, pihak KLN mencadangkan agar semua penyedia latihan menghantar kertas kerja permohonan kursus secara dalam talian bagi permohonan peruntukan program bagi tahun 2021.



MESYUARAT PENGURUSAN PEJABAT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

29 November 2020



Bersempena perubahan struktur pejabat Penolong Naib Canselor (Kelestarian Kewangan) kepada Pejabat Pembangunan Perniagaan (BizDO) berkuatkuasa 1 September 2020, satu mesyuarat pengurusan pejabat BizDO telah diadakan pada 29 November 2020 dihadiri sebilangan kecil kakitangan secara bersemuka bertempat di Bilik Seminar, Pusat Pengajian Bahasa (CLS) UTHM manakala sebahagian besar kakitangan berada di kediaman masing-masing secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua kakitangan dari Pejabat Pembangunan Perniagaan (BizDO), Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Pejabat Wakaf dan Endowmen (PWE). Mesyuarat ini bertujuan untuk mengemaskini perkembangan tugas staf dan hala tuju pusat tanggungjawab (PTj) di bawah pengurusan BizDO. Mesyuarat ini juga merupakan medium kepada PTj di bawah pimpinan BizDO untuk menyalurkan laporan berkaitan pelaksanaan aktiviti dalam kluster penjana pendapatan universiti demi mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020.

MESYUARAT PENGURUSAN KHAS AKADEMIK & ANTARABANGSA

29 November 2020


Mesyuarat pengurusan khas akademik & antarabangsa telah berlangsung pada 29 November 2020 secara dalam talian. Mesyuarat khas kali ini menfokuskan kepada transisi perubahan kepimpinan Akademik & Antarabangsa secara menyeluruh. Perbincangan terperinci melibatkan tujuan dan fungsi model yang digunakan serta hala tuju IPTA terutama dalam menghadapi cabaran bagi mengekalkan kecemerlangan MTUN. Justeru, perancangan strategik UTHM perlu dilakukan bagi mengekalkan status universiti MTUN yang terkenal dalam bidang TVET dalam mendepani perubahan transisi kepimpinan ini.



PERBINCANGAN KERJASAMA KLIA COLLEGE BIL.4/2020


03 Disember 2020

Mesyuarat penyelarasan kerjasama KLIA College bil.4/2020 telah diadakan pada 3 Disember 2020 di pejabat insituti masing-masing secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh pihak UTHM yang diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) bersama pihak KLIA College. Mesyuarat ini merupakan susulan dari perbincangan terdahulu bagi mengemaskini perkembangan terkini dalam penyediaan kertas kerja kelulusan senat beserta memastikan pelaksanaan mapping silibus UTHM bersama Modul CCM CIDB telah dilaksanakan. Menerusi pertemuan kali ini, mesyuarat telah membincangkan secara menyeluruh berkaitan cadangan kerjasama UTHM dan KLIA College bagi merealisasikan pelaksanaan program Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek agar ianya berjalan lancar.



PERBINCANGAN KLUSTER AKADEMIK & ANTARABANGSA

06 Disember 2020




RERANGKA PELAN STRATEGIK KLUSTER AKADEMIK & ANTARABANGSA					
<p>Tiga Dabul Huber VITEI Universiti</p> <ul style="list-style-type: none"> Universiti Teknikal Antarabangsa Universiti Teknologi PETRONAS Universiti Teknikal Malaysia Melaka 					
<p>Strategi Lintas & Pencapaian</p> <p>Tanaga tenaga intelektual</p>					
<p>UTM Model / UTM Model / UTM Model / UTM Model</p>					
<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>
<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>	<p>Label Development</p> <p>Label Development</p>

Perbincangan Kluster Akademik & Antarabangsa berkaitan Pemurnian Pelan Strategik 2021-2025 telah berlangsung pada 6 Disember 2020 di pejabat masing-masing secara dalam talian. Pertemuan ini merupakan susulan perbincangan terdahulu iaitu berkaitan transisi perubahan kepimpinan Akademik & Antarabangsa. Perbincangan terperinci melibatkan model yang digunakan serta hala tuju IPTA terutama universiti-universiti yang terlibat di bawah Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia / Malaysian Technical University Network (MTUN). Justeru, pemurnian pelan strategik perlu dilakukan dengan kadar segera bagi mengekalkan kecemerlangan universiti ke arah bertaraf dunia seiring perubahan transisi kepimpinan tersebut.

BENGGKEL PEMBANGUNAN *VIRTUAL UNIVERSITY*


08 Disember 2020

Bengkel pembangunan *virtual university* bagi penyediaan bahan pembentangan ke Jawatan Kuasa Eksekutif (JKE) telah dilaksanakan pada 8 Disember 2020 bertempat di pejabat masing-masing secara dalam talian. Bengkel ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Azme Bin Khamis; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Bengkel ini bertujuan merealisasikan pembangunan *virtual university*. Justeru, satu *taskforce* telah diwujudkan dan diketuai oleh YBhg. Prof. Dr. Erween bin Abd Rahim serta terdapat penambahan ahli yang melibatkan penglibatan wakil dari Pejabat Bendahari dan Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM. Menerusi hasil dapatan bengkel ini maka penyediaan kerangka akademik secara menyeluruh akan dihasilkan.



MESYUARAT PROGRAM SARJANA EKSEKUTIF PENGURUSAN PENERBANGAN

08 Disember 2020




Mesyuarat program Sarjana Eksekutif Pengurusan Penerbangan (EMAM) telah diadakan di pejabat masing-masing pada 8 Disember 2020 secara dalam talian. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad, Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan dihadiri oleh pihak Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP). Secara umumnya, mesyuarat bertujuan mengemaskini perkembangan semasa dalam pelaksanaan serta kesediaan penawaran program bagi kemasukan Mac 2021.

MESYUARAT PENGURUSAN PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN


09 Disember 2020

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Musli Bin Mohammad; Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) UTHM telah mempengerusikan mesyuarat pengurusan CEC pada 9 Disember 2020. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua warga kerja CEC. Mesyuarat tersebut diadakan secara dalam talian bertempat di kediaman masing-masing menggunakan kaedah *Google Meet*. Selain bertujuan untuk mengemaskini perkembangan laporan tugas staf sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), agenda mesyuarat ini juga berhasrat untuk memaklumkan informasi berkaitan perancangan aktiviti CEC dalam kluster penajaan pendapatan universiti menerusi tindakan pro-aktif pasca covid demi mencapai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020.



MESYUARAT KERJASAMA FAKULTI KEJURUTERAN AWAM DAN ALAM BINA (FKAAB)

13 Disember 2020



Mesyuarat bersama Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) berkaitan program Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek telah diadakan pada 13 Disember 2020 di pejabat masing-masing secara dalam talian. Mesyuarat ini bertujuan membincangkan secara menyeluruh pelaksanaan program melibatkan skop pengajian, kriteria pemilihan pelajar, tempoh pengajian, syarat kemasukan dan yuran pengajian agar pelaksanaan program yang dirancang berjalan lancar.

MESYUARAT JAWATANKUASA PENGAJIAN PROGRAM LUAR


14 Disember 2020



Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Program Luar (JKPPL) telah dilaksanakan pada 14 Disember 2020 secara bersemuka dan secara dalam talian berdasarkan Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 11/2020 mengenai keputusan pembukaan premis Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) secara bersasar bermula pada 13 Disember 2020. Agenda mesyuarat JKPPL ini merangkumi pembentangan kertas kerja bagi cadangan pelaksanaan penawaran program baharu, pengesahan markah penilaian pelajar program eksekutif dan lain-lain hal berkaitan perkembangan terkini berkaitan penjana pendapatan menerusi pelaksanaan program pendidikan berterusan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020.

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

14 Disember 2020




Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pembelajaran Sepanjang Hayat telah berlangsung bertempat di institusi masing-masing pada 14 Disember 2020 (Isnin) secara dalam talian menggunakan kaedah *Google Meet*. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil institusi penyedia Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), institusi pengajian tinggi di Malaysia.

PERBINCANGAN KERJASAMA KLIA COLLEGE BIL.5/2020


17 Disember 2020

Mesyuarat kerjasama antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan KLIA Professional & Management College (KLIA College) telah berlangsung bertempat di institusi masing-masing pada 17 Disember 2020 secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh pihak UTHM dan KLIA College, di mana UTHM diwakili oleh Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP). Agenda mesyuarat tersebut bertujuan membincangkan dengan lebih lanjut cadangan oleh pihak KLIA College berkaitan pelaksanaan program Sarjana Eksekutif Pengurusan Projek.



MESYUARAT KERJASAMA UTHM DAN SUKIRU RESOURCES

21 Disember 2020



Mesyuarat kerjasama antara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan syarikat Sukiru Resources (SR) telah diadakan pada 21 Disember 2020 bertempat di institusi masing-masing secara dalam talian menggunakan kaedah *Google Meet*. Pihak UTHM terdiri dari Pusat Pendidikan Berterusan (CEC) dan Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPTP). Mesyuarat kerjasama ini bertujuan memperkasa program-program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta membincangkan cadangan kerjasama yang dikemukakan oleh En. Mohd Fadib Bin Abdul Wahid; Pengarah Urusan syarikat Sukiru Resources bagi merealisasikan pelaksanaan program *Executive Master In 5S Automotive*. Program ini menyediakan modul yang dirangka khusus untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar yang terdiri daripada kalangan warga bekerja dalam bidang pengoperasian automotif. Mesyuarat bersetuju mempertimbangkan cadangan dan tindakan susulan akan diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program tersebut.



PROGRAM SARJANA (MASTER) SECARA SEPARUH MASA

Sarjana Kejuruteraan Awam (MQA/FA5870)	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MQA/FA5858)
Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (MQA/FA5861)	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MQA/FA5855)
Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) (MQA/FA5854)	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam) (MQA/FA5852)
Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik) (MQA/FA5851)	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal) (MQA/FA5853)
Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan (MQA/FA0087)	Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel (MQA/FA1538)
Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MQA/FA10711)	

**PENGAMBILAN PADA
MAC DAN SEPTEMBER**

Ikuti kami di media sosial :

 CEC.UTHMJOHOR  cec.uthm  CEC UTHM



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my



07-453 7017/7954



019-595 8096 | 010-979 7853

PROGRAM EKSEKUTIF DAN PROFESIONAL

1

**Sijil Eksekutif Pengurusan Teknologi
Penanaman Tebu Profesional**
(Kerjasama dengan Koperasi Pembangunan Usahawan
Bestari Johor Berhad)

2

**Sijil Eksekutif Teknologi
Operasi Dron Profesional**
(Kerjasama dengan UTHM Education & Training Sdn. Bhd)

3

**Diploma Eksekutif
Imam Profesional**

4

**Diploma Eksekutif
Penerbangan Profesional**
(Kerjasama dengan Asia Aeronautical Training Academy)

5

**Diploma Eksekutif
Pengurusan Fasiliti**

6

**Sarjana Eksekutif Objek
Rangkaian Internet (IoT)**

7

**Sarjana Eksekutif
Pengurusan Penerbangan**

8

**Sarjana Eksekutif
Imam Profesional**

9

**Sarjana Eksekutif Pemantauan
Kesihatan Struktur**
(Kerjasama dengan UTHM Education & Training Sdn. Bhd)

Ikuti kami di media sosial :



CEC.UTHMJOHOR



cec.uthm



CEC UTHM



cec.uthm.edu.my



cec@uthm.edu.my

☎ 07-453 7017/7954



019-595 8096 | 010-979 7853



PUSAT PENDIDIKAN BERTERUSAN (CEC)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
86400 PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR